

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 10, 2019 10:59 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM-UEF Jalin Kerjasama Dalam Pembangunan Mahasiswa Dan Mobiliti Di Asean



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2019 / 7 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Amirullah Ikrami Akbar Jahan
Gambar oleh: PPA CAS

UUM-UEF JALIN KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN MAHASISWA DAN MOBILITI DI ASEAN



UUM ONLINE: Ho Chi Minh City – Bagi mengukuhkan lagi program pembangunan pelajar dan mobiliti di ASEAN khususnya rantau Asia Tenggara, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS) melalui Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) telah menjalinkan kerjasama dengan International Institute, University of Economic and Finance (UEF), Ho Chi Minh City, Vietnam, baru-baru ini.

Dekan PPA CAS, Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, kerjasama itu dilakukan melalui penganjuran *International Joint Seminar: Enhancing Student Development and Mobility in ASEAN* di kampus utama UEF.

“PPA CAS bekerjasama dengan UEF melaksanakan program-program pembangunan pelajar dan mobiliti seperti seminar, pertukaran pelajar serta pelbagai aktiviti berunsur kemahasiswaan.

“Menerusi kerjasama strategik ini, mahasiswa UUM dan UEF didedahkan dengan pelbagai pengalaman yang berstruktur agar mereka dapat membangunkan potensi diri, dinamik dan prihatin dengan persekitaran komuniti ASEAN,” katanya.

Sementara itu, Pengarah International Institute, UEF, Dr. Bruce Loc Do berkata, beliau berterima kasih kepada UUM kerana membawa idea penganjuran seminar bersama yang difikirkan amat perlu bagi program pengantarabangsaan UEF.

Menurutnya, sebagai komitmen balas, UEF akan menghantar seramai 15 mahasiswa ke ASEAN University Youth Summit pada 24 hingga 27 Ogos depan di EDC Hotel and Resorts yang dianjurkan Persatuan Mahasiswa Inovasi (INOVA) dengan kerjasama PPA CAS.

Katanya, mahasiswa UEF telah terlibat dalam program mobiliti di serata dunia termasuk Korea Selatan dan Kanada bagi memantapkan kualiti graduan dan beliau melihat UUM khususnya dan Malaysia amnya mempunyai potensi besar kepada UEF untuk menghantar pelajar mobiliti.

Seminar bersama UEF-UUM itu melibatkan pembentangan kertas kerja berkaitan mobiliti dan pembangunan pelajar serta perkongsian pengalaman kedua-dua negara.

Antara pembentang terlibat pada program itu ialah Timbalan Dekan PPA CAS, Dr. Mohamad Farhan Mohd Mohsin dan Dr. Shalini Munish dari UEF serta tiga mahasiswa UUM iaitu Muhammad Fadhil Sharudin, Nurshamira Alia Abdul Hamid dan Awis Al Qarni Sheharuddin.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.